

22/10/1998

Tiada layanan istimewa untuk pemerhati asing

Faizal Fadzil; Salina Abdullah

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, orang luar boleh datang menyaksikan perbicaraan kes Datuk Seri Anwar Ibrahim, tetapi tidak boleh mengharap sebarang layanan istimewa, walaupun sebagai pemerhati.

Menurut Perdana Menteri, perbicaraan itu adalah terbuka dan mereka bebas mengikuti perjalanan kes itu tanpa perlu mendapatkan status sebagai pemerhati.

Beliau berkata, langkah itu bertujuan mengelak daripada berlakunya tekanan kepada sistem kehakiman sehingga menjejaskan kelancaran perbicaraan kes berkenaan.

Katanya, pihak asing yang memohon menjadi pemerhati bagi kes Anwar sebenarnya mahu mengadakan sistem kehakiman negara, bukannya untuk memastikan beliau (Anwar) dibicara secara adil.

"Mereka ke sini bukan kerana berminat melihat Anwar bersalah atau tidak, sebaliknya mahu melihat sama ada mahkamah bersalah atau tidak.

"Dalam kes Anwar, mereka sebenarnya meletakkan mahkamah dan kerajaan dalam kandang perbicaraan. Kita tidak boleh membiarkan ini berlaku kerana ia adalah gangguan kepada kelancaran perbicaraan.

"Sehubungan itu, kita tidak akan melayan sebarang permohonan untuk menjadi pemerhati," katanya pada sidang akhbar di pejabatnya di sini hari ini, sekembalinya dari lawatan kerja lima hari ke Jepun.

Perbicaraan kes Anwar membabitkan empat tuduhan rasuah akan bermula 2 November ini. Satu lagi tuduhan rasuah dan lima kes liwat belum ditentukan tarikh perbicaraannya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak boleh membiarkan pihak asing mengganggu kelancaran perbicaraan dengan membenarkan mereka mengemukakan pandangan dalam kes itu sedangkan rakyat Malaysia dilarang daripada berbuat demikian berikutan keputusan Mahkamah Tinggi berhubung perkara itu, baru-baru ini.

Mahkamah Tinggi awal bulan lalu mengeluarkan perintah melarang orang ramai daripada mengeluarkan kenyataan secara langsung dan tidak langsung yang menggambarkan Anwar bersalah atas tuduhan rasuah dan meliwat, sebelum diputuskan mahkamah.

Hakim Datuk Augustine Paul Sinnapen yang membuat perintah itu berkata, mahkamah akan memastikan bahawa tertuduh akan mendapat keadilan sepenuhnya dan keputusan mahkamah adalah berdasarkan kepada fakta yang dikemukakan.

Paul berkata, mahkamah tidak akan terpengaruh dengan faktor luar ketika membuat keputusannya.

Menurut Dr Mahathir, mahkamah adalah sebuah institusi yang bukan pro-kerajaan berdasarkan beberapa keputusan mereka yang tidak memihak kepada kerajaan seperti pengharaman Umno pada satu masa dahulu.

Sementara itu, beliau berkata keputusan mengadakan pilihan raya lebih awal bukanlah jalan penyelesaian bagi menangani masalah demonstrasi jalanan yang dilakukan oleh penyokong Anwar, sebaliknya tindakan itu akan menjejaskan program ekonomi negara.

"Kita bersedia untuk menghadapi pilihan raya apabila tiba masanya. Pada waktu itu sesiapa saja boleh bertanding. Jika mereka menang...mereka menang, jika mereka kalah...mereka kalah. Begitu juga kalau kita menang, kita menang dan kalau kita kalah, kita kalah," katanya.

Beliau yang menyedari tindakan demonstrasi itu bertujuan menjatuhkan kerajaan, berkata kewujudan kerajaan Malaysia pada masa ini adalah atas

undi rakyat dan tindakan penyokong Anwar hanya menggugat sistem demokrasi di negara ini.

Dr Mahathir berkata, tindakan penyokong Anwar itu juga sebenarnya menyokong usaha Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) untuk mengenakan tekanannya kepada negara ini.

"Mereka mungkin tidak sedar perkara ini tetapi inilah yang berlaku. Mereka memperjuangkan reformasi, tetapi apabila ditanya apakah reformasi yang mereka inginkan, mereka sendiri tidak pasti," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan pernah bercadang memberikan kawasan khas, seperti stadium bagi membolehkan penyokong Anwar berdemonstrasi secara aman tetapi membatalkan hasrat itu atas nasihat polis.

Menurutnya, polis beranggapan tindakan itu hanya akan mencetus suasana tidak aman kerana ia akan menjadi ikutan pelbagai pihak atau kumpulan lain.

Mengenai kemungkinan penyokong Anwar akan mengadakan demonstrasi ketika negara menganjurkan Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) bulan depan, Perdana Menteri menjelaskan itu adalah strategi mereka untuk menunjukkan Malaysia tidak stabil.

"Profesor, golongan akademik yang mendapat faedah daripada kronisme di negara ini sepatutnya bertanggungjawab dan tidak terbabit dengan perkara seumpama ini," katanya.

Ketika diminta mengulas sokongan untuk beliau yang ditunjukkan oleh 200 orang di luar kedutaan Filipina di sini semalam, Dr Mahathir berkata jika pihak lain boleh menyatakan pendapat mereka, kumpulan ini juga boleh menyatakan pendapat mereka.

Kumpulan itu terdiri daripada anggota yang menamakan diri mereka 'Rakyat Malaysia Yang Prihatin' membantah kenyataan Presiden Filipina Joseph Estrada khususnya sokongan beliau kepada Anwar yang dianggap mencampuri urusan dalam negeri Malaysia.

"Yang saya bimbangkan ialah jika perbuatan demonstrasi ini menjadi amalan, maka negara ini tidak akan maju...negara ini telah membangun hasil kestabilan politik.

"Apa akan terjadi, umpamanya, jika kedua-dua belah pihak yang berdemonstrasi bertembung, maka pergaduhan akan berlaku," katanya.

Sementara itu, dalam lawatan kerja ke Jepun, Perdana Menteri menemui pengarang media Jepun, tokoh perniagaan, ahli akademik dan pegawai kerajaan serta rakan sejawatnya, Keizo Obuchi. Beliau juga menghadap Maharaja Akihito.

Dr Mahathir turut berucap di Persidangan Antarabangsa Tokyo Kedua Mengenai Pembangunan Afrika (TICAD II), iaitu susulan persidangan awal di Tokyo pada 1993 di bawah inisiatif Jepun untuk membawa pembangunan di negara Afrika.

(END)